

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**TAKLIMAT PELAN PERNIAGAAN DAN
CADANGAN 'COOP SKY WEDDING
CITY'**

**14 JUN 2022 (SELASA)
2:30 PETANG**

RENCANA ROYALE SALES GALLERY TTDI, KUALA LUMPUR

Terima kasih Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmaanirrahiim.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakaatuh dan salam sejahtera.

{SALUTASI DISEDIAKAN OLEH
SEKRETARIAT MAJLIS}

1) Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izin-Nya jua dapat kita bersama-sama dalam Majlis Taklimat Pelan Perniagaan dan Cadangan 'Coop Sky Wedding City'.

2) Pertama sekali, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Koperasi Alumni MKM Kuala Lumpur Berhad atas penganjuran majlis hari ini.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

3) Pandemi COVID-19 yang melanda negara bermula tahun 2020 memberi kesan besar kepada keseluruhan ekosistem perniagaan. Penutupan aktiviti ekonomi pada

tahun pertama dan kedua pandemik bukan sahaja melumpuhkan ekonomi negara bahkan ekonomi seluruh dunia. Kesannya ke atas peniaga apabila perniagaan tidak dapat beroperasi pada potensi optimum sehingga ada yang terpaksa gulung tikar.

4) Pembukaan semula aktiviti ekonomi pada tahap maksimum bermula tahun ini memberi nafas lega kepada para peniaga terutamanya kepada usahawan Bumiputera, di samping pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemuliharaan

ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

5) Sehingga hari ini, aktiviti ekonomi mula rancak dan rakyat sudah boleh menerima hakikat bahawa kehidupan

perlu diteruskan dan bersedia untuk menerima COVID-19 sebagai satu endemik yang mana suka atau tidak kita perlu mengadaptasinya sebagai sebahagian kehidupan.

Hadirin yang Dihormati Sekalian

6) Saya dimaklumkan sebanyak 35 buah koperasi berminat untuk membentuk satu Konsortium “Projek Coop Sky Wedding City” yang berperanan sebagai pusat untuk penganjuran majlis-majlis perkahwinan, seminar, kursus,

persidangan dan acara-acara berskala besar. 'Coop Sky Wedding' ini akan menjadi kebanggaan dan mercu tanda pemilikan gabungan koperasi-koperasi seterusnya dapat menjana pendapatan lumayan.

7) Saya merasakan penubuhan konsortium ini mampu memberikan pulangan besar kepada koperasi-koperasi yang terlibat memandangkan setelah berakhirnya pandemik COVID-19, penganjuran majlis perkahwinan di dewan-

dewan/tempat eksklusif semakin
mendapat tempat kalangan
pelanggan yang inginkan majlis
perkahwinan mengikut tema tertentu.

8) Fakta menunjukkan bahawa
majlis perkahwinan 'menguasai' hari

minggu dengan jumlah penggunaan dewan melebihi 50 peratus. Jadi, sudah tiba masanya koperasi-koperasi yang berminat dengan 'event management' mengambil peluang ini mengusahakan perniagaan seumpama ini.

9) Namun begitu, diharap gabungan koperasi-koperasi ini tidak hanya menumpukan kepada majlis penganjuran perkahwinan semata-mata tetapi turut mengambil peluang menawarkan pakej-pakej yang boleh disesuaikan dengan pelbagai acara

dengan mensasarkan pelanggan korporat. Perkhidmatan sewaan ruang ini juga terbuka kepada orang ramai terdiri daripada orang persendirian, syarikat swasta, NGO mahupun jabatan kerajaan, dengan kadar sewaan berpatutan.

10) Lokasi yang dipilih sebagai 'Coop Sky Wedding City' ini hendaklah mudah diakses oleh pelanggan dan semestinya strategik. Persekitaran cantik di tengah bandar raya Kuala Lumpur atau kawasan berhampiran akan menjadi faktor pendorong

kepada pelanggan untuk
menempah/menyewa dengan
koperasi. Strategi pemasaran yang
efektif dan berinovasi perlu dirangka
bagi menarik minat pelanggan untuk
terus memilih 'Coop Sky Wedding City'
kerana terdapat banyak

perkhidmatan sewaan ruang di pasaran semasa. Hanya melalui kepelbagaian pakej, kadar sewaan yang berpatutan dan faktor lokasi dapat memberi nilai tambah kepada projek ini.

11) Akhir kata, besarlah harapan saya agar usaha ini dapat direalisasikan dalam masa terdekat seterusnya memberikan pulangan lumayan kepada gabungan koperasi yang terlibat serta menyemarak dan

mempelbagaikan aktiviti perniagaan koperasi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh. Terima kasih.